



SIMBOLISME NARATIF LISAN DALANG PAK MAJID DALAM EPISOD WAYANG KULIT SERI ASUN TERPILIH: PENELITIAN BERPANDUKAN WACANA KRITIS DAN TEKSDIALISME

(The Symbolism of Oral Narratives by Puppeteer Pak Majid in Selected Episodes of Wayang Kulit Seri Asun: An Analysis Based on Critical Discourse and Textsdealisme Theory)

Darwalis Sazan^{1*}

¹School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Malaysia

*Corresponding Author Email: darwalissazan@usm.my

Received: 2 July 2024 • Accepted: 20 October 2024 • Published: 31 October 2024

Abstract

This study explores the oral narrative of Seri Asun Wayang Kulit based on the style of authorship, thought, and individualism led by mastermind Pak Majid based on the research of Critical Discourse Analysis and Textualism. The work for this study is based on the looseness of study based on the wayang kulit aspect since this traditional game of our ancestors is increasingly marginalized and is no longer the focus of the study. For this purpose, the study uses a qualitative method by applying the method of literature or library research and interpreting oral and written sources through the method of content analysis. The application and adaptation of this research theory is based on Critical Discourse Analysis (1998) and Textualism Theory (1996) in looking at authorship style based on ideas and thoughts, authorship thoughts and messages to the audience, stylistic forms, creativity, and individual actions. The application and adaptation of this research theory is based on Critical Discourse Analysis and Textualism Theory (1996) in looking at authorship style based on ideas and thoughts, authorship thoughts and messages to the audience, stylistic forms, creativity, and individual actions. Therefore, the Dalang figure will continue to be remembered and the wayang kulit Seri Asun will continue to be preserved because the principle in this idea symbolizes his character.

Keywords: Styles; Individualism; Oral Narratives; Thought; Wayang Kulit Seri Asun

Abstrak

Kajian ini meneroka naratif lisan wayang kulit Seri Asun berasaskan kepada gaya kepengarangan, pemikiran dan individualisme yang diterajui oleh dalang Pak Majid berpandukan kepada penelitian Analisis Wacana Kritis dan Teksdialisme. Gerak kerja bagi kajian ini bertitik tolak daripada kelompangan kajian yang

berteraskan kepada aspek wayang kulit memandangkan permainan tradisi nenek moyang ini semakin terpinggir dan tidak lagi dijadikan fokus kajian. Untuk tujuan ini, kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah literatur atau kajian kepustakaan dan kaedah pentafsiran sumber lisan dan tulisan melalui kaedah analisis kandungan. Penerapan dan penyesuaian teori kajian ini adalah berdasarkan Analisis Wacana Kritis (1998) dan Teori Teksdealisme (1996) dalam memperlihat gaya kepengarangan berdasarkan idea dan pemikiran, pemikiran dan mesej kepengarangan kepada khalayak, bentuk gaya, reka cipta dan tindakan individu. Hasil kajian ini menegaskan bahawa gagasan binaan kepengarangan, pemikiran dan individualisme dalang Pak Majid dalam naratif lisan wayang kulit Seri Asun seorang yang berkebolehan, unik dan dinamik akan sentiasa mempamerkan sifat jati diri yang menggunakan Subdialek Melayu Kedah Kunluang, watak yang dimainkan mempunyai makna simbolik menekankan nilai-nilai tradisional, identiti budaya, falsafah dan moral. Justeru, figura Dalang akan terus diingati dan wayang kulit Seri Asun akan terus dilestarikan kerana prinsipnya dalam gagasan ini melambangkan ketokohnya.

Kata kunci: Gaya; Individualisme; Naratif Lisan; Pemikiran; Wayang Kulit Seri Asun

Cite as: Sazan, D. (2024). The Symbolism of Oral Narratives by Puppeteer Pak Majid in Selected Episodes of Wayang Kulit Seri Asun: An Analysis Based on Critical Discourse and Textsdealisme Theory. *Asian People Journal*, 7(2), 172-185.

PENGENALAN

Setiap negara mempunyai identiti yang tersendiri dalam sesuatu kesenian dan kesusasteraan, ini termasuklah ciri-ciri dan daya cipta kepengarangan dalam teks hikayat, lagu asli, pantun, mahupun kesenian dan persembahan wayang kulit dan lain-lain. Elemen kesenian dan kesusasteraan dalam setiap tamadun dapat menonjolkan keunikan dan kehebatan akal dan budi seseorang (Ainu Sham Ramli, 1996). Contohnya, kepengarangan dalam bentuk seni persembahan banyak menonjolkan kepelbagaian bentuk dan ciri yang jarang ditemui. Maka dengan adanya karya yang dicipta oleh pengarang ia dapat membentuk satu keterujaan untuk khalayak melalui kreativiti yang disampaikan (Fauzi Hassan, 2018). Oleh yang demikian, kreativiti pengarang boleh diperlihat berdasarkan gaya, pemikiran dan bentuk individualisme yang sehati dalam penyampaiannya. Kesemua aspek ini tidak dapat lari dari identiti pengarang malah kesemua aspek-aspek yang diutarakan dalam sesuatu karya menonjolkan kepemilikan pengarang. Hassan Ahmad (2004) menjelaskan aspek-aspek ini sebagai penghasilan bentuk-bentuk yang rasional dan berakal dalam diri individu.

Latar Belakang Wayang Kulit Seri Asun dan Dalang Pak Majid

Konteks wayang kulit yang diketengahkan ini perlulah merangkumi tiga elemen utama dalam persembahannya, yakni panggung, dalang dan watak. Panggung yang diasosiasikan dengan persembahan wayang kulit dijelaskan sebagai tempat persembahan yang berbumbung dan dalang merujuk kepada seseorang yang mengetuai persembahan wayang secara langsung. Manakala watak pula merujuk ukiran hiasan berdasarkan bentuk karakter lakonan sosial. Kesemua elemen penting inilah yang membentuk sesebuah wayang kulit. Jika dilihat berdasarkan susur galur kewujudan wayang kulit, Rahmah Bujang (2007) mendakwa bahawa persembahan wayang kulit telah lama bertapak sebelum kedatangan pengaruh Hindu dan dikatakan penceritaan dalam pementasan ini juga dipengaruhi oleh epik Tamadun Indus, iaitu epik Ramayana dan Mahabrata. Nama watak wayang kulit sehingga

kini juga memperlihatkan nama seakan-akan dengan epik Ramayana dan Mahabrata, seperti Sri Rama, Maharaja Rawana, Hanuman dan lain-lain yang mempunyai perkaitan dengan dewa Hindu.

Dalam kosmologi Melayu, wayang kulit dikaitkan dengan amalam ritual dalam praktis animisme terdahulu sehinggalah sebatian dengan hiburan masyarakat Melayu (Azrul Azizi, 2018). Namun begitu, di Malaysia dalam kajian Boon Jong Fook (2007) perkembangan wayang kulit dikatakan telah wujud lebih ratusan tahun yang menerima pengaruh dari pelbagai negara. Beliau juga mengkaji sejarah wayang kulit dan menyatakan bahawa di Malaysia sahaja, wayang kulit mempunyai empat jenis, iaitu wayang kulit di daerah Utara, Selatan dan Pantai Timur. Antaranya, wayang kulit Seri Asun, wayang kulit Melayu wayang kulit Purwa dan wayang kulit Kelantan. Kesemua wayang kulit ini mempunyai asal-usul yang mempengaruhi keistimewaan. Ini termasuklah dalam bentuk reka cipta, penggunaan bahasa dan dialek dalam dialog persembahan, pelbagai watak dan nama watak yang dibawa masuk melalui budaya luar yang asalnya dari Kemboja, Patani, Indonesia, Siam dan lain-lain.

Dalam hal ini, wayang kulit Seri Asun juga dikenali sebagai wayang Gedek. Wayang kulit ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri, seperti penggunaan dialek dan subdialek Utara oleh dalang dan pada masa yang sama sebutan dalang juga seakan-akan dialek Siam. Nor Fazilah Abd. Majid (2014) menyatakan bahawa penubuhan kumpulan wayang Kulit Seri Asun ini telah melebihi 30 tahun melalui dalang pertama, iaitu Mohd. Noh Bin Mahmud. Selepas kematiannya dalang Mohd. Noh, persembahan ini diketuai oleh Pak Majid atau nama sebenarnya Abdul Majid Bin Mohd. Noh yang merupakan anak kandung kepada Allahyarham dalang Mohd. Noh (Hassan Othman, 2004). Asal kumpulan wayang kulit ini ialah dari daerah Kubang Pasu, Kampung Kunluang oleh penduduk Kampung Kunluang itu sendiri. Nama wayang kulit ini bersempena dengan nama pekan Asun (Mohd Yusof Hassan, 2005).

Penelitian lanjut menunjukkan kecaknaan dan terkenalnya wayang kulit ini dalam masyarakat dan dikenali di negara luar. Dalang Pak Majid pernah mengharumkan nama negara dengan usahanya untuk mengantarabangsakan kesenian warisan tradisional. Pelbagai undangan dari negara luar seperti Thailand, Vietnam, Singapura, Jepun dan lain-lain termasuk negara Eropah untuk pementasan wayang kulit Seri Asun ini. Keistimewaan wayang kulit ini menjadi tumpuan dan tarikan masyarakat dan masyarakat luar. Antara keistimewaan wayang kulit ini termasuklah teknik pencahayaan, yakni sebiji mentol digantungkan di tengah dalang dan ukiran watak yang diperbuat daripada kulit lembu, penggunaan subdialek Kedah, jalan penceritaan berkisar isu sosial, kemasyarakatan dan humor. Namun begitu, pada 2016 negara dikejutkan dengan pemergian tokoh budaya ini akibat komplikasi kesihatan dan sehingga kini persembahan wayang kulit Seri Asun sering diingati walaupun persembahan ini tidak dapat dipertontonkan secara langsung lagi.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang wayang kulit sudah banyak dilakukan tetapi kajian yang berasaskan kepada gaya, pemikiran dan individualisme masih lompong. Adapun kajian lalu melibatkan wayang kulit hanya memberi fokus kepada unsur stilistik dan semantik tetapi tidak menganalisis keseluruhan aspek yang dibincangkan. Misalnya, kajian Roslina Abu Bakar, Arbai'e Sujud dan Siti Nurul Fatimah Mohd Saidi (2015). Kajian ini mengkaji wayang kulit Kelantan dan mendapati bahawa wayang kulit ini boleh ditonjolkan dalam variasi linguistik dan direpresentasikan melalui penggunaan konteks teks dan situasi secara dekat yang dilihat dari sudut gaya dan bahasa dalang. Penghuraian ciri dalang yang menggambarkan unsur sosiobudaya sesebuah komuniti dan pengalaman hidup dalang juga tidak

diketengahkan dalam kajian ini dan cara dalang mencipta dan mempersembahkan wayang kulit secara keseluruhan, termasuk bagaimana menyatukan elemen peribadi dan ideologi dalam karya mereka perlu diketengahkan. Hal ini merangkumi kajian yang lebih mendalam tentang bagaimana persepsi dan interpretasi dalang terhadap cerita, karakter dan tema mempengaruhi gaya penceritaan dan penyampaian mereka.

Kajian oleh Fauzi Hassan, Tengku Intan Marlina Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa (2018) pula hanya menumpukan aspek gaya individualisme Faisal Tehrani dalam novel. Kajian ini berjaya meneroka dan mengupas jati diri Faisal Tehrani dalam pembinaan individualisme beliau berdasarkan ciri keunggulan yang diperoleh. Tidak ketinggalan, Norazimah Zakaria (2018) juga meneliti introspeksi gaya kepenyairan A. Halim Ali melalui sajak-sajak terpilih. Kajian ini mendapati bahawa A. Halim Ali sememangnya mempunyai standard kewibawaan penyair yang unggul dalam berkarya malah sumber dan karya beliau adalah berbeza dengan penyair lain khususnya dari segi penggunaan dan pemilihan diksi yang di luar kebiasaan. Manakala kajian ini memberi sumbangan penting dalam kajian dengan menonjolkan aspek yang membezakan beliau daripada penyair lain yang boleh digunakan untuk menganalisis ciri dalang wayang kulit. Walau bagaimanapun, penerokaan mendalam perlu dianalisis bentuk konteks sosio-budaya atau sejarah yang mempengaruhi karya-karya tersebut.

Selain itu, Rosmah Derak (2020) melakukan kajian lanjutan tentang karya Faisal Tehrani dalam novel-drama. Bentuk pemikiran dan pementasan yang diselitkan dengan unsur Islam menunjukkan dapatan kajian ini tentang kepengarangan Faisal Tehrani bahawa adanya unsur politik dan ilmu perubatan yang diselitkan dan disesuaikan dalam karya beliau. Perbandingan karya Faisal Tehrani dengan karya lain wajar diteliti dengan lebih lanjut. Penelitian kajian ini selaras dengan pandangan Said (1994) dalam *Culture and Imperialism* bahawa pengkarya cuba menyelitkan unsur kritikan yang dibawa bersama dalam konteks politik zamannya. Justeru, dalam konteks kajian Faisal Tehrani, pandangan ini dapat memberikan perspektif tentang bagaimana unsur politik dan ilmu perubatan boleh disatukan dengan nilai-nilai Islam. Kajian ini boleh dikaitkan dengan kajian Rosmah Derak yang melihat bagaimana Faisal Tehrani menyelitkan unsur politik dalam karyanya, menunjukkan hubungan antara sastera dan konteks politik semasa.

Terbaharu pula, kajian oleh Norawi Haji Kata, A. Halim Awi dan Ghazali Din (2022) memfokuskan unsur keagamaan dalam teks kumpulan puisi 'Sewaktu Pesawat Runduk' berdasarkan aspek gaya bahasa dan pemikiran. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa metafora dan simile melalui bait makna puisi yang diasosiasikan dengan bentuk dan gaya pemikiran pengarang yang berteraskan konsep dan hukum Islam. Penelitian dalam kajian lepas menunjukkan bahawa adanya trend perubahan gaya kepengarangan yang bercirikan islamik dalam berkarya melibatkan pengarang yang berlatarbelakangkan kaum Melayu. Walaupun kajian ini memperlihatkan objektif dan kajian yang mendalam tentang aspek keagamaan dalam karya tersebut tetapi fokus ini masih terhad dalam meneliti aspek lain yang penting, seperti tema sosial dan politik. Kajian ini menunjukkan bahawa gaya pemikiran dan bahasa yang digunakan pengarang berteraskan konsep dan hukum Islam tidak cukup untuk mengkritik atau menganalisis kelemahan pendekatan ini. Maka, dengan memahami latar belakang sejarah dan sosial pengarang kajian sebegini boleh memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang mengapa unsur keagamaan menjadi dominan dalam karya mereka.

Sepertimana yang dibincangkan dalam kajian lepas, ternyata masih terdapat kekurangan dalam penelitian melibatkan gaya kepengarangan, pemikiran dan individualisme yang dianalisis dan dibincangkan sekali dalam sesebuah kajian. Ini termasuklah data kajian yang melibatkan wayang kulit. Justeru, kajian ini akan menganalisis kepengarangan, pemikiran dan individualisme dalam naratif lisan episode wayang kulit Seri Asun oleh dalang Pak

Majid. Kajian ini dilihat sebagai penelitian baharu melibatkan persembahan wayang kulit yang juga luar dari identiti wayang kulit Kelantan.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kualitatif secara keseluruhan. Pengaplikasian kajian secara kualitatif berupaya untuk menjana pemahaman yang simpatetik dan mendalam (Strauss & Corbin, 1998). Kajian ini menggunakan kaedah literatur atau kajian kepustakaan sebagai sumber sekunder dan kaedah pentafsiran sumber lisan dan tulisan melalui kaedah analisis kandungan. Penganalisisan tekstual melibatkan lima buah episode wayang kulit Seri Asun yang terpilih yang diperoleh secara rakaman video dan audio kompak dan kemudian ditranskripsikan. Sebanyak 5 data episode wayang kulit terpilih digunakan untuk dianalisis, iaitu 'Nasib Si Miskin' (2004), 'Budi Bahasa Budaya Kita' (2006), 'Teka-Teki' (2006), 'Etong Rempit' (2008), dan 'Gila Gambar' (2010).

Kajian ini disesuaikan dengan pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough (1998) dan Teori Teksdealisme (1996) oleh Mana Sikana. Intipati teori ini dapat menegaskan tentang keseluruhan wacana dan sosio budaya serta makna yang terkandung melalui penciptaan idea dan pengalaman pengarang atau merepresentasikan keunggulan seseorang pengarang. Berdasarkan gabungan Analisis Wacana Kritis Fairclough dengan Teori Teksdealisme ini, pengkaji boleh menjalankan analisis menyeluruh terhadap persembahan wayang kulit yang mempertimbangkan kedua-dua dimensi sosiobudaya wacana dan ciri-ciri formal teks itu sendiri. Pendekatan bersepadu ini dapat membina kefahaman tentang cara persembahan wayang kulit berfungsi sebagai elemen penghasilan budaya, komunikasi dan makna dalam konteks masing-masing. Aplikasi teori ini akan merepresentasikan identiti wayang kulit Seri Asun secara keseluruhan termasuklah ciri sosial, bahasa, teks persembahan wayang kulit, seperti penggunaan simbol visual, iringan muzik atau teknik dramatik dan lapisan makna dan kualiti estetik yang wujud dalam bentuk seni.

Terdapat empat aspek utama untuk mengenal pasti pembinaan individualisme seseorang, yakni stail atau gaya individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu. Dalam kajian ini, aspek gaya dikaitkan dengan penggunaan bahasa oleh pengarang dalam memperlihatkan jati diri dan gaya peribadi, aspek reka cipta individu dilihat berdasarkan hasil kepengarangannya melalui kaedah, teknik tertentu dan cara yang dihasilkan. Kedirian individu pula dilihat sebagai satu bentuk identiti yang boleh diperoleh dalam bentuk ideologi. Akhir sekali, tindakan individu dilihat dalam bentuk atau cara tindakan seseorang untuk mengketengahkan sesuatu idea, pandangan dan dalam karya. Oleh itu, secara keseluruhan kajian ini menyediakan pemahaman yang mendalam tentang persembahan wayang kulit Seri Asun, serta memperkaya pemahaman tentang cara persembahan wayang kulit berfungsi sebagai elemen penghasilan budaya, komunikasi dan makna yang tertentu dalam sebuah komuniti.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis Wacana Kritis dan prinsip teori teksdealisme ini menegaskan dan menuntut keseluruhan elemen sosiobudaya, teks dan pentafsiran manakala aspek teksdealisme dan individualisme dalam diri pengarang atau pengkarya melalui aspek stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu yang sudah tercipta melalui sesebuah karya kepengarangannya. Kajian menunjukkan bahawa empat elemen utama dalam merungkai latar belakang dan ketokohan seseorang dalang dapat dijelaskan seperti di bawah:

Gaya Individu

Pandangan Mana Sikana (2006) menegaskan bahawa keberhasilan pengarang untuk mendapatkan gaya bahasa yang tersendiri adalah terletak kepada tahap penggunaan bahasanya. Dalam hal ini, kreativiti dan aspek bahasa sesungguhnya mencerminkan gaya pengarang, yakni cara yang dapat menggerakkan diri seseorang untuk mengikuti atau menghayati sesebuah karya. Dalam konteks ini, sesuatu cara penyampaian dan penggunaan bahasa juga berupaya menonjolkan ciri-ciri individu pengarang. Kelima-lima episod terpilih yang dikaji menunjukkan bahawa adanya signifikasi aspek bahasa yang digunakan oleh dalang Pak Majid dalam wayang kulit Seri Asun. Episod yang dikaji menunjukkan adanya unsur gaya peribadi dan jati diri dalang berdasarkan penggunaan subdialek Melayu Kedah Kunluang. Hal ini memperlihatkan bahawa keterhubungan bentuk bahasa dan budaya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Penggunaan bahasa dan ekspresi Pak Majid yang unik semasa persembahan mungkin membezakan penceritaan dan wataknya dalam mencerminkan identiti dan gaya peribadinya. Penggunaan bahasa dan teknik kreatif dalam Wayang Kulit Seri Asun mempamerkan kepintaran seni dan penyesuaiannya. Faiclough, Wodak dan Mulderring (2011) menjelaskan bahawa sesuatu konsep melibatkan persembahan yang diasosiasikan dengan unsur budaya mahupun sosial berupaya menonjolkan bagaimana individu menjelmakan makna budaya melalui bentuk ekspresif seperti ritual dan upacara tentang cara teknik dan ekspresi kreatif individu yang mencerminkan identiti peribadi dan konteks budaya mereka.

Dalam pada itu, penggunaan bahasa lain seperti bahasa asing dan bahasa pasar diterapkan dalam beberapa dialog dalang. Melihat kepada penggunaan bahasa asing dan pasar ini, ia mencerminkan norma komunikasi dan realiti dalam masyarakat pelbagai kaum yang tidak hanya terbatas kepada bahasa atau subdialek Melayu. Jelasnya lagi, penggunaan bahasa asing dan bahasa pasar turut disesuaikan dalam watak-watak wayang kulit yang dimainkan sejajar dengan subjek penceritaannya. Penggunaan ini dilihat sebagai satu penyesuaian dan pendekatan kreatif baharu kepada naratif dan teknik tradisional. Dengan menarik pengamal dan penonton, terutamanya daripada generasi muda atau di luar konteks budaya tradisional, wayang kulit boleh terus berkembang maju. Penggunaan bahasa pasar mencerminkan sifat dinamik amalan budaya dan keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri merentasi sempadan linguistik dan budaya. Hal ini menekankan kepentingan pertukaran budaya dan kerjasama dalam pemeliharaan, inovasi dan penyebaran bentuk seni tradisional. Oleh itu, berdasarkan penggunaan bahasa lain hal ini menyumbang kepada refleksi masyarakat majmuk di Malaysia.

Melihat kepada pembentukan bahasa yang sedia ada dalam episod wayang kulit Seri Asun, hal ini memperlihatkan pembinaan gaya dalang sewaktu pementasan berlangsung. Justeru, penerapan bahasa asing dan pasar inilah yang menonjolkan sesuatu penceritaan dalam episod dalang tampak lebih jelas dan autentik dalam penyampaian lisannya yang dapat direpresentasikan dalam sesebuah masyarakat oleh dalang. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa contoh episod dalam wayang kulit Seri Asun yang menggunakan subdialek, bahasa asing dan bahasa pasar seperti dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Penggunaan subdialek Melayu Kedah Kunluang, Bahasa Asing dan Bahasa Pasar

Episode	Jenis Subdialek/Bahasa	Contoh Dialog
Nasib Si Miskin	Subdialek Melayu Kedah Kunluang	Pak Tam: <i>La</i> ni sungguh Etong nak makan apa tak dak ikut padan <i>la</i> Etong... Etong: Sungguhlah Pak Tam zaman moden zaman canggih Pak Tam budak-budak <i>la</i> bukan mau gitu

Etong Rempit		Pak Tam...
Teka-Teki		Pak Tam: <i>Awat boh</i> minyak banyak sangat? Etong: Kena licin la Pak Tam, la ni banyak kerja kilang, bila keluar kerja kilang semua <i>marka</i> mau, break up sikit dapat...
Gila Gambar	Bahasa Asing - Inggeris	Pak Tam: <i>Hang</i> jawab tak kena aku <i>luku hang</i> . Etong: <i>Pasai</i> apa pulak ni...
Etong Rempit		Etong: Ok tak pa <i>no problem brother</i> ..
Etong Rempit	Bahasa Pasar	Etong: Oh, <i>I forget brother</i> ..
Teka Teki		Etong: Ish, dia <i>complaint</i> tak habis-habis... Pak Tam: Mesti la <i>try</i> tengok.. <i>line clear</i> ...
Gila Gambar		Pak Tam: Awat tak berjalan <i>gang</i> , macamana nak berjalan suis tak buka... Pak Tam: <i>You</i> dululah <i>I</i> malu..Klau <i>you</i> tak mau menyanyi <i>I</i> pun tak mau menyanyi...
		Pak Tam: <i>Drebar</i> motobot tidak mendapat apa-apa cedera, tetapi <i>drebar</i> helikopter tersangkut di pokok jering...

Sebagaimana yang diketengahkan dalam Jadual 1, ternyata dalam episod wayang kulit Seri Asun penggunaan subdialek Melayu Kedah Kunluang, bahasa asing dan pasar turut terisi dalam penyampaian cerita dalang yang dilihat sebagai refleksi dan realiti masyarakat kini. Manakala, penggunaan subdialek, bahasa asing dan bahasa pasar ini juga dilihat sebagai satu dominasi lisan wayang kulit Seri Asun untuk menarik pelbagai peringkat umur dan kaum yang berlatarbelakangkan penceritaan sosial masyarakat kini. Dalang Pak Majid juga dilihat berjaya mempersembahkan dialog episodenya secara bersahaja dan berunsur humor.

Menurut Azrul Azizi (2018) kejayaan seseorang pengarang dalam membangunkan gaya bahasa yang tersendiri berkait rapat dengan kecekapan mereka dalam penggunaan bahasa. Aspek kreativiti dan bahasa mencerminkan gaya pengarang, mempengaruhi cara pengarang melibatkan diri dan mentafsir karya. Dalam konteks kajian, penggunaan bahasa dan teknik kreatif dalam Wayang Kulit Seri Asun menunjukkan kecerdasan artistik dan kebolehsuaian Pak Majid sebagai seorang dalang. Teks tersebut menyerlahkan hubungan rumit antara bahasa, budaya dan ekspresi kreatif dalam wayang kulit tradisional, menekankan kepentingan kepelbagaian bahasa dan penyesuaian budaya dalam mengekalkan daya hidup dan kaitan warisan budaya.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga unsur kritikan yang diselitkan melalui isu sosial dalam masyarakat. Pementasan dialog ini sememangnya membentuk perwatakan yang dimainkan oleh dalang melalui watak yang diketengahkan berdasarkan kelancaran cerita dan mesej yang disampaikan. Justeru, penggunaan bahasa dan gaya dalang berupaya menyampaikan kritiknya terhadap isu sosial dan memberi impak kepada khalayak untuk

memahami mesej yang diketengahkan. Pengarang mendorong pembaca untuk merenung dan terlibat dengan isu ini. Selanjutnya, unsur humor dalam wayang kulit ini diketengahkan seperti berikut:

Jadual 2: Penggunaan Dialog Bersifat Humor

Episode	Contoh Dialog
Etong Rempit	Etong: Pasai apa tak jalan pagi tadi elok lagi. Pak Tam: Haram tak jalan pun. Etong: Awat tak jalan? Pak Tam: Nak jalan macamana gang, haram suis tak buka. Bila hang start moto ekzos asap mai kot kain aku dia masuk sejuk dalam tu...
Teka-Teki	Etong: Kalau tuan pergi menajak, jangan lupa membawa taji, kalau tuan orang yang bijak, buah apa yang tiada biji? Pak Tam: Buah cempedak.. Etong: Buah cempedak biji merenyut.. Pak Tam: Bauhulu...

Antara contoh dalam Jadual 2, unsur humor yang diketengahkan dalam penceritaan dalang adalah berkisarkan situasi semasa tentang anak muda yang mempunyai kemudahan dan memiliki kesenangan hidup. Dalang menceritakan watak Etong dalam episod ini sebagai anak muda yang tidak merasai kesusahan hidup, dalang cuba mengaitkan kehidupan anak muda dengan aktiviti merempit dan diselitkan dengan unsur humor. Dalam episod 'Etong Rempit', dalang menunjukkan bahawa tindakan anak muda yang menunggang motosikal secara laju akan menyebabkan kepulan asap yang banyak dan asap tersebut masuk ke dalam kain pelekatnya sebagai unsur humor. Tambahan lagi, dalam episod 'Teka-Teki', dalang juga mengketengahkan unsur seloroh dengan menyampaikan soalan teka-teki yang turut menghiburkan khalayak. Unsur humor ini dikaitkan dengan situasi sosial semasa dalam masyarakat dan di sebalik unsur humor ini juga terdapat realiti yang ingin dipantulkan oleh dalang.

Penggunaan unsur humor oleh dalang mencerminkan pemahaman yang mendalam tentang isu-isu sosial kontemporari, khususnya mengenai gaya hidup dan tingkah laku golongan muda. Dengan memasukkan jenaka ke dalam penceritaan, dalang boleh mengkritik norma dan tingkah laku masyarakat secara berkesan, mendorong refleksi dan perbincangan dalam kalangan khalayak. Siti norsyahida dan Nurfarhana (2016) menjelaskan humor sebagai alat yang berkesan untuk menarik dan mengekalkan minat penonton sepanjang persembahan berlangsung. Oleh hak yang demikian, dengan menyuntik detik-detik kesembronoan ke dalam naratif, dalang dapat memikat perhatian penonton dan mencipta pengalaman yang menyeronokkan dan tidak dapat dilupakan untuk mereka. Selain itu, penggunaan humor dalang yang berdasarkan situasi sosial semasa meningkatkan perkaitan budaya persembahan.

Walau bagaimanapun, situasi ini boleh menonjolkan kekurangan tertentu yang direpresentasikan oleh dalang melalui humor dan perkara yang dianggap lucu oleh seseorang, yang lain mungkin menyinggung perasaan atau tidak sesuai. Dalang perlulah dengan berhati-hati memastikan humor yang digunakan dalam persembahan adalah inklusif dan menghormati pelbagai perspektif. Keseimbangan unsur humor dan realiti diketengahkan dengan begitu baik oleh dalang Pak majid. Oleh itu, walaupun humor boleh menjadi alat yang berkuasa untuk menarik perhatian penonton dan menangani isu sosial, adalah penting bagi dalang untuk peka dalam penggunaan persembahan wayang kulit. Selanjutnya, melibatkan penghuraian unsur kritikan dalam Wayang Kulit Seri Asun:

Jadual 3: Penggunaan Dialog Bersifat Kritikan

Episode	Contoh Dialog
Nasib Si Miskin	Adik: Apa boleh buat lagi Pak Tam kami susah Pak Tam. Pak Tam: Jangan susah adik, kena kuatkan diri sendiri kerja kuat adik dan usaha bersungguh-sungguh..
Budi Bahasa Budaya Kita	Etong: Zaman internet Pak Tam, zaman komputer Pak Tam, anak-anak kita dah pandai dan cerdik.. Pak Tam: Sungguhlah Etong: Bukan macam Pak Tam apa pun tak tau hidup bodoh.. Pak Tam: ...kira aku yang bodoh hang juga yang cerdik, hang cerdik sangat kah? Etong: ...hang rukun negara tau tak? Berapa perkara?.. Pak Tam: tiga perkara...
Etong Rempit	Etong: Kerajaan la bukan macam dulu, la zaman moden zaman canggih, zaman internet. La kerajaan buat kereta macam-macam nanti aku tunjuk aku punya apa nak kata... Pak Tam: Apa benda Etong ni?.. Etong: Apa benda apa Virago la gang... Episode sambungan... Etong: Ini tempat rehat Pak Tam kena licin... Pak Tam: Awat boh minyak banyak sangat? Etong: Kena licin la Pak Tam, la ni banyak kerja kilang, bila keluar kerja kilang semua marka mau, break up sikit dapat. Pak Tam: Oh, barulah....ambil kesempatan la... Etong: Bukan ambil kesempatan, semulajadi...
Gila Gambar	Pak Tam: Kita nak makan sedap duit tak dak. Bini pulak beranak kerap-kerap... Etong: Tambah pula kerja sikit-sikit, ramai duduk saja perabis duit.. Pak Tam: La ni sungguh Etong nak makan apa tak dak ikut padan la Etong..

Dalam Jadual 3 pula, terdapat beberapa dialog yang disampaikan oleh dalang dalam mengketengahkan kritikan-kritikan sosial kepada masyarakat menerusi persembahan Wayang kulit Seri Asun. Dalam episod 'Nasib Si Miskin', watak Adik menggambarkan keluhan masyarakat yang hidup dalam kesusahan namun watak Pak Tam dilihat memberi dorongan dan nasihat untuk tidak menyerah kalah sebaliknya perlu lebih berusaha untuk mendapatkan kesejahteraan hidup. Dalam dialog episod ini jelas menunjukkan bahawa kritikan diberikan kepada masyarakat yang tidak mahu berusaha untuk mengubah nasib hidup dan sentiasa mengeluh. Seterusnya, dalam episod 'Budi Bahasa Budaya Kita', dalang cuba mengeketengahkan kritikan kepada sesetengah golongan yang tidak mengetahui tentang prinsip rukun negara. Lataran itu, apa yang ingin disampaikan oleh dalang adalah peralihan unsur kritikan kepada subjek yang ingin diketengahkan, iaitu golongan muda. Dalang cuba menegaskan bahawa golongan anak muda kini hanyut dalam dunia moden dan celik teknologi serta kurangnya jati diri. Watak

Etong dilihat memberi sindiran dan kritikan kepada Pak Tam dengan persoalan tentang prinsip rukun negara yang secara tidak langsung mesej yang ingin diberikan ialah kepada golongan sasaran, iaitu golongan muda.

Selanjutnya, bagi episod 'Etong Rempit' terdapat dua penceritaan yang dibangkitkan oleh dalang dalam mengkritik golongan sasaran. Pertamanya, antara watak Etong dan Pak Tam. Dalam episod pertama, dalang cuba mengketengahkan kesenangan golongan muda yang menghabiskan waktu dengan melakukan perbuatan berfoya-foya. Hal ini ada digambarkan oleh dalang apabila Etong menunjukkan motosikal baharunya, iaitu motosikal Virago dan episod sambungan juga menunjukkan bahawa dengan adanya motosikal tersebut, Etong berupaya untuk memikat gadis dan banyak pilihan gadis dapat dibuat apabila gagal dalam perhubungan. Pada bahagian ini, watak Pak Tam juga diselitkan dengan unsur kritikan kepada Etong bahawa perbuatan tersebut dikatakan perbuatan yang mengambil kesempatan terhadap gadis.

Bagi episod 'Gila Gambar' pula, watak yang dibawa oleh Pak Tam dan Etong juga mempunyai unsur kritikan kepada masyarakat. Dalang mengketengahkan dialog dengan menyatakan kritikan kepada golongan-golongan tertentu yang tidak mahu mengubah nasib hidup untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Kehidupan sesetengah golongan yang dikritik ini diibaratkan seperti tidak mengukur baju di badan sendiri malah disebabkan kecanggihan yang sedia ada, golongan muda juga tidak terkecuali untuk menginginkan kesenangan hidup tanpa titik peluh sendiri. Unsur kritikan ini dilihat berjaya diketengahkan dalam khalayak yang disuarakan secara langsung tanpa adanya unsur tersirat.

Dalam hal ini, pelbagai mesej sosial dapat disampaikan oleh dalang secara langsung dalam mengkritik golongan muda dan dewasa. Dalang Pak Majid dilihat sangat bijak dalam menyelitkan unsur sosial, humor dan kritikan dalam dialog penyampaian lisan dalang sememangnya mencerminkan sesuatu pemikiran dan mesej yang ingin disampaikan oleh dalang. Hal ini membentuk gaya individualisme dalang Pak Majid dalam wayang kulit Seri Asun yang bersifat bersahaja, humor dan bersifat kritikan dalam penggayaan bahasanya. Dengan berlatarbelakangkan penceritaan yang bersahaja, humor dan kritikan, ia membuktikan bahawa pemikirannya dalam sesuatu isu mampu disalurkan kepada khalayak.

Kritikan sosial ini adalah unsur realiti yang berlaku dalam konteks budaya yang menggunakan teknik kritikan sosial mereka dengan berkesan. Elemen ini melibatkan ciri-ciri simbolisme, kiasan, ironi, sindiran mahupun metafora pengarang boleh mencetuskan pemikiran dan menimbulkan tindak balas emosi daripada berdasarkan susunan strategik Tok Dalang dalam naratif dialog episod wayang kulit. Dalam pada itu, khalayak dapat mempertimbangkan semula kepercayaan, sikap dan tingkah laku mereka, yang membawa kepada kesedaran yang lebih tinggi dan berpotensi mencetuskan perbualan dan tindakan untuk perubahan sosial. Pada masa yang sama situasi ini dapat diketengahkan untuk khalayak memahami keadaan sosial, sikap dan ketegangan yang berlaku pada peristiwa tersebut tentang implikasi masyarakat yang dicerminkannya. Secara keseluruhannya, kemasukan kritikan sosial dalam karya berfungsi sebagai alat yang berkuasa untuk menyoal norma dan struktur masyarakat, yang menyumbang kepada dan kemajuan dalam masyarakat.

Reka Cipta Individu

Reka cipta individu memperlihatkan pembentukan dan pembinaan sesebuah karya melalui kaedah, teknik-teknik, atau cara pengkarya mengikut Mana Sikana (2015). Reka cipta ini termasuklah cara penyusunan sesuatu dialog dalam penyampaian oleh dalang yang berteraskan jati diri dalang. Berdasarkan analisis data yang dikaji, dalang Pak Majid sememangnya menonjolkan reka cipta individualnya tersendiri yang mementingkan teknik penyampaian

lisan melalui dialog secara tersurat dan tersirat. Kelainan dan keunikan reka cipta dalang Pak Majid adalah berdasarkan unsur hiburan atau humor dan kritikan yang dilihat sebagai subjek penghasilan dialognya. Isu sosial diketengahkan secara terbuka dalam episod dalang untuk memperlihatkan realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat sebagai satu medium kesedaran yang bergerak ke dalam minda masyarakat.

Walaupun dialog yang dimainkan oleh dalang tidak melibatkan unsur cakapan dalaman sebagaimana dalam karya-karya lain, seperti dalam novel namun isu yang diketengahkan dapat disampaikan dalam watak-watak wayang kulit ini sebagai episod yang dapat menentukan kekuatan peranannya menerusi penceritaan. Representasi watak-watak yang diketengahkan sewaktu pementasan dalang bagi setiap episode adalah begitu signifikan. Lantaran sifat pementasan wayang kulit yang mencorakkan tema penceritaan dalang, ia menonjolkan kebebasan dalam berkarya dan mempamerkan keterbukaan pemikiran dalang. Hal ini ada dinyatakan oleh Rahman Shaari (2001) bahawa peneraju bebas mengketengahkan pemikiran tertentu dalam membentuk kesedaran kepada khalayak. Penonjolan watak-watak wayang kulit Seri Asun seperti Ai Kiew, Ai Tong, Pak Tam, Etong dan lain-lain dilihat sebagai satu bentuk perantara kepada khalayak dalam menyebarkan mesej, persoalan sosial dan bentuk pemikiran. Watak-watak yang diketengahkan berperanan sebagai penghidup cerita.

Kendirian Individu

Kedirian individu dilihat sebagai peranan pengkarya dalam menghidupkan ciri-ciri watak-watak yang dimainkan yang secara tidak langsungnya membina personanya yang tersendiri (Mana Sikana, 2015). Pembinaan kedirian dalang Pak Majid ditampilkan dalam watak-watak yang dihidupkan dalam penceritaan malah penyesuaian dari sudut penggunaan bahasa, pemikiran dan gagasan idea yang lain membentuk peristiwa cerita episod wayang kulit Seri Asun. Setiap penceritaan dalam 5 episod terpilih wayang kulit ini melibatkan isu sosial dalam pembinaan watak-watak juga mencerminkan kaum, negara, sosiobudaya, bahasa dan lain-lain sebagai fokus cerita. Hal ini termasuklah kesedaran masyarakat terhadap semangat jati diri, trend atau pengamalan masyarakat dalam kalangan golongan muda dan tua dan lain-lain.

Dengan menyelitkan watak-watak dengan ciri keperibadiannya sendiri, gaya linguistik dan idea, dalang menambah kedalaman dan keaslian penceritaan. Sentuhan peribadi ini boleh menjadikan watak lebih realistik dan menarik untuk penonton. Penggabungan isu sosial ke dalam perkembangan watak membolehkan dalang mencipta naratif yang bersesuaian dengan pengalaman hidup khalayak. Hal ini boleh memupuk empati, pemahaman dan refleksi kritis dalam kalangan khalayak serta memperkayakan penghargaan mereka terhadap persembahan. Justeru, dalang menyumbang kepada perwakilan dan pemeliharaan kepelbagaian budaya dalam bentuk seni persembahan. Walaupun agensi individu memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan watak dan penceritaan dalam persembahan wayang kulit, adalah penting bagi dalang untuk mengemudi potensi bias dan batasan dengan berhati-hati untuk memastikan gambaran watak dan isu sosial yang dari segi budaya.

Tindakan Individu

Hasil analisis bagi tindakan individu yang melambangkan dalang Pak Majid boleh dilihat dalam cara tindakannya menghasilkan penceritaan dalam dialog episod wayang kulit Seri Asun. Cara untuk menyebarkan mesej dan nilai moral dalam setiap episod membuktikan bahawa dalang berjaya menyelami pemikiran, pengalaman dan pemerhatian semasa yang boleh dirembeskan kepada masyarakat. Setiap penghasilan episod oleh dalang Pak Majid memerlukan keterjalinan rangka cerita dan dialog yang akan disampaikan maka adalah amat penting untuk dalang mengetahui konsep dan isu penceritaan kepada khalayak dan golongan sasaran. Ketokohan Pak Majid dapat dilihat apabila adanya gaya dan ciri pemikiran yang terbuka dalam menyampaikan mesej sosial kepada khalayak dalam

membina kesedaran kepada semua golongan tanpa mengira umur. Oleh hal yang demikian, ternyata dalang Pak Majid dilihat sebagai perantara kepada masyarakat dalam menyampaikan kritikan, nasihat, pemikiran, pandangan secara tersirat dan tersurat.

Tindakan dalang Pak Majid, seperti yang dicerminkan dalam teknik penceritaan dan penyampaian dialog, menunjukkan keupayaannya untuk menyebarkan mesej dan nilai moral secara berkesan kepada khalayak. Melalui persembahannya, beliau boleh menyampaikan pemikiran, pengalaman dan pemerhatian yang realiti kepada masyarakat, seterusnya menyumbang kepada kesedaran dan pemahaman sosial. Kejayaan setiap episod wayang kulit ini bergantung kepada keupayaan dalang untuk mencipta jalan cerita yang menarik dan dialog yang menarik untuk memastikan penceritaan kekal relevan dan memberi kesan kepada khalayak. Tambahan lagi, sifat kepimpinan Pak Majid terserlah dengan sikap terbuka dan kesanggupan beliau menangani isu sosial dalam persembahannya. Dengan memasukkan mesej sosial ke dalam penceritaannya, beliau menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk pemahaman merentas semua kumpulan umur dalam komuniti melalui mesej yang disampaikan. Peranan perantara ini menggariskan kepentingan dalang sebagai saluran untuk ulasan sosial dan ekspresi budaya dalam masyarakat. Sepertimana yang diketengahkan, analisis ini menggariskan kepentingan dalang Pak Majid sebagai pelopor atau ikon budaya dan pengulas sosial yang realistik bercerita dalam menyebarkan mesej dan memupuk kesedaran dan pemahaman sosial dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, gaya, pemikiran dan individualisme dalang Pak Majid selaku peneraju dalam wayang kulit Seri Asun berjaya dirungkai. Episod dan watak-watak dalam wayang kulit Seri Asun ternyata menonjolkan ketokohan dan jati diri dalang Pak Majid melalui ciptaan dan karyanya di sebalik gaya, pemikiran dan individualismenya. Keunikan bahasa, mesej, unsur humor dan kritikan menjadikan wayang kulit Seri Asun dikenali dan golongan sasaran melibatkan golongan muda dan dewasa dilihat sebagai satu strategi yang efektif dalam kelangsungan penyampaian mesej dan nilai moral kepada masyarakat. Kreativiti Pak Majid terserlah dalam rekaan naratif, dialog dan watak dalam episod persembahan wayang kulit Seri Asun.

Pendekatan uniknya untuk bercerita menggabungkan unsur-unsur jenaka, kritikan dan ulasan sosial mencerminkan gaya peribadi dan visi artistiknya. Kreativiti ini menambah keautentikan pada penceritaan, watak-wataknya untuk menarik perhatian khalayak. Namun begitu dalang juga berdepan dengan limitasi tertentu yang mungkin tidak dapat disuarakan sepenuhnya melalui ideologi dan ulasan sosial secara peribadi.

RUJUKAN

- Ainu, S.R. (1996). *Warisan Kulit Warisan Teater Melayu*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Azrul, A., A. (2022). Evolusi Pencahayaan dalam Persembahan Wayang Kulit. *Gedung Alam*, 12(1), 114-130.
- Azrul, A., A. (2018). Reka Bentuk Pentas dalam Falsafah Persembahan Wayang Kulit Kelantan. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan).

- Boon, J., F. (2007) Wayang Kulit Gedek Di Negeri Kedah Darul Aman Satu Kajian Struktur Persembahan. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Bujang, R. H. (2007). Fungsi komunikasi dan estetika dalam persembahan teater tradisional wayang kulit. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 135-156.
- Fairclough, N. (2001/1989). *Language and Power* (2nd ed.). London: Longman
- Fairclough, N., Wodak, R., & Mulderrig, J. (2011). *Critical discourse analysis*. In T. van Dijk (Ed.) *Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*, (2nd ed). London: Sage.
- Fara, D., M, J. (2014). Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK): Kajian Archetypal Reka Bentuk Gambalan. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Fauzi, H., Tengku, I., M., M., A. & Madiawati, M.,@M. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam Kepengarangan Berdasarkan Novel-Novel Terpilih. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6, 31-60.
- Hassan, O. (2004). *Wayang Gedek: Warisan Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan Malaysia.
- Mana, S. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana, S. (2013). *Berdiri di Akar Diri*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Mana, S. (2015). *Sasterawan Negara di Takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd, K., H. & Yuszaidy, M., Y. (2021). Tok dalang Hussin Yusoff Tokoh Pedalangan Wayang Kulit Kelantan. *Jurnal Melayu Isu Khas* Disember 2021, 473-486.
- Mohd, Y., H. (2005). Persepsi Antara Kelompok Minoriti Melayu Bertuturan Thai di Daerah Kubang Pasu dengan Masyarakat Melayu Arus Perdana. *Seminar Zaaba Mengenai Alam Melayu II*, 23-37).
- Norawi, H., K, A, H., A. & Ghazali, D. (2022). Kesepaduan Gaya Bahasa Dan Pemikiran Dengan Perutusan Agama Dalam Kumpulan Puisi 'Sewaktu Pesawat Runduk'. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10 (2), 54-69.
- Nor, F., A, M. (2014). Wayang Kulit Gedek di Jitra, Kedah dalam Aspek Kajian Pengurusan Persembahan. Latihan Ilmiah Injazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Rahman, S. (2001). Effective communication in the Presentation of Rahman Shaari's Articles Puff. *Jurnal Peradaban Melayu*. 13, 114-125.

- Roslina, A., B, Arbai'e, S. & Siti, N., F, Mohd, S. (2015). Stilistik dalam Persembahan Wayang Kulit Kelantan. *Mahawangsa* 2(1), 75 - 86.
- Rosmah, D. (2020). Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara Karya Faisal Tehrani. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 44-54.
- Said, Edward W. (1994). *Culture and Imperialism*. New York :Vintage Books.
- Siti, N. M., A, R. & Rosly, S, N. (2016). Unsur Humor dalam Rancangan Televisyen Popular. *Jurnal Kesidang*, 1, 154-172.
- Strauss, A. L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. Thousand Oaks: Sage.
- Zakaria, N. (2018). Daripada introspeksi diri kepada naratif merentasi zaman dan sempadan dalam karya A. Halim Ali. *Jurnal Melayu*, 17(2), 113-123.